

23/04/1997

Amal cara hidup murni

GEORGETOWN, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat mengubah cara hidup, cita rasa dan imej mereka selaras dengan pembangunan pesat negara supaya ia dapat dinikmati dengan lebih baik lagi.

Menurut Perdana Menteri, kemajuan pesat yang dialami Malaysia tidak akan memberi sebarang makna jika rakyat masih mengamalkan cara hidup lama dan tidak tahu menyesuaikan diri dengan segala kemudahan yang dibina.

Beliau memberi contoh kehidupan di pangsapuri atau rumah pangsa yang sudah tentu jauh berbeza dengan kehidupan di rumah yang dibina di atas tanah.

Penghuninya pula tidak boleh memelihara sebarang ternakan atau menjemur kain sesuka hati mereka sehingga menimbulkan pemandangan kurang menyenangkan.

"Mereka yang tinggal di bangunan tinggi sedemikian perlu mempunyai tahap disiplin yang tinggi dan tahu menghargai kemudahan awam yang disediakan untuk mereka seperti lif.

"Bagaimanapun, kebanyakan penghuni terlalu kasar dan menekan butang lif banyak kali sehingga ia rosak atau menekan kedua-dua penunjuk arah sama ada ke atas atau ke bawah secara serentak, sehingga lif pun keliru," katanya ketika berucap merasmikan Lebu Raya Bayan Lepas dan menyaksikan perjanjian projek Lebu Raya Jelutong di sini, hari ini.

Lebu raya sepanjang 9.2 kilometer itu dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), manakala Lebu Raya Jelutong sepanjang 4.7 kilometer berharga RM300 akan dibina Konsortium Jelutong Development Sdn Bhd yang diketuai IJM Corporation Bhd.

Dr Mahathir berkata, kemajuan sesuatu negara ditonjolkan melalui cara hidup dan imej rakyatnya. Apa guna Malaysia menjadi negara maju pada 2020, tetapi rakyatnya masih guna cara hidup yang kotor dan tidak berdisiplin.

"Bangunan kondominium yang cantik, mahal dan reka bentuknya indah, tidak akan mempunyai nilai jika pemandangan luarnya hodoh disebabkan antena televisyen dan kain yang dijemur secara tidak tersusun.

"Apa guna gaji naik, taraf hidup meningkat tetapi cara hidup masih dikongkangi pemikiran kolot yang kotor, tidak tersusun dan tidak moden," katanya.

Beliau juga meminta pemaaju perumahan menyediakan alat pemanas untuk mengeringkan pakaian penghuni rumah bertingkat serta kemudahan antena televisyen dan pendingin udara.

Menurutnya, tidak salah bagi rakyat membelanjakan wang lebih untuk mendapatkan keselesaan dan menjadikan kehidupan mereka lebih selesa dan bermakna.

Perdana Menteri juga terkilan dengan sikap rakyat yang masih suka makan di gerai kotor, berbau dan dihinggapi lalat selain membuang sampah sarap di merata tempat.

(END)